

Biar polis putus haram Dong Zong atau tidak: PM

Persatuan hanya pertahan satu komuniti, tindakan gugat perpaduan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail,
Hazwan Faisal Mohamad
dan Siti Nur Mas Erah Amran
bhnews@bh.com.my

Sepang: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, terpulang kepada polis menentukan sama ada badan Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) perlu diharmonikan atau tidak.

Perdana Menteri berkata, jika tindakan mereka berterusan cuba menggalakkan orang ramai bergaduh antara satu sama lain, ia melanggar undang-undang.

"Kita ada kebebasan untuk bersuara, tetapi kita juga sentiasa sensitif untuk tidak mempengaruhi mereka yang berlainan bangsa untuk melawan antara satu sama lain.

"Dong Zong hanya mempertahankan satu komuniti dan lupa bahawa ini adalah negara pelbagai kaum," katanya bagi mengulas mengenai petisyen dalam talian yang dilancarkan Armada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) bagi mengumpul sokongan menggesa pengharaman Dong Zong, di sini semalam.

Exco ARMADA, Muzzammil Ismail semalam menyifatkan Dong Zong sebagai keterlaluan dan mempunyai niat menggugat perpaduan masyarakat.

Dr Mahathir juga mempertahankan kenyataannya kelmarin yang menganggap Dong Zong sebagai rasis kerana selalu membuat kenyataan tanpa memikirkan perasaan kaum lain di negara ini.

Beliau berkata, walaupun negara ini mengamalkan kebebasan bersuara, semua pihak seharusnya peka dalam membuat sebarang kenyataan yang boleh mengguris perasaan kaum lain.

"Anda lihat sendiri latar belakang Dong Zong, yang langsung tidak pernah berjuang untuk Malaysia, tetapi hanya untuk satu kaum saja. Ini negara majmuk berbilang kaum, anda harus memikirkan perasaan orang lain.

"Apabila berbuat sesuatu, kita harus memikirkan apa yang orang lain akan kata. Jika mereka tidak gembira, mungkin kita harus berbuat sesuatu," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada masa dulu tidak ada masalah untuk beliau ke sekolah semua kaum belajar di tempat sama.

"Ada Benggali, Cina, India dan Melayu, semuanya ok. Tetapi jika ikutkan Dong Zong, anak-anak Cina tidak seharusnya bergaul dengan kaum lain. Untuk berada di satu perhimpunan pagi menggabungkan ketiga-tiga sekolah, seolah-olah 'anathema' untuk mereka.

*"Kita ada
kebebasan
untuk bersuara, tetapi
kita juga sentiasa
sensitif untuk tidak
mempengaruhi
mereka yang berlainan
bangsa untuk
melawan antara
satu sama lain.*

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

"Sebab itu saya kata Dong Zong ini sangat rasis, yang terlampau mengabdikan diri untuk mempertahankan hak kaumnya saja," katanya.

Ditanya kenyataan Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran yang mahukan penceramah bebas, Dr Zakir Naik diusir serta-merta kerana mengeluarkan kenyataan menghina penganut agama Hindu di negara ini, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak boleh berbuat demikian kerana wujud ancaman bunuh terhadap penceramah kontroversi itu.

Namun, katanya, jika ada mana-mana negara yang mahu menerima penceramah berasal dari India itu, mereka dialu-alukan berbuat demikian.

"Masalah yang dihadapi ialah

kami tidak boleh menghantarnya pulang (ke India) kerana beliau menghadapi risiko dibunuh.

"Tetapi jika ada negara yang mahu menerimanya, mereka dialu-alukan berbuat demikian," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, parti komponen Pakatan Harapan (PH) tidak membincangkan isu berkaitan pembelajaran Jawi dan khat di sekolah, sebaliknya menyerahkannya kepada Kabinet menentukannya.

Katanya, Kabinet sudah memutuskan Kementerian Pendidikan bertanggungjawab sepenuhnya dalam isu terbabit dan sebarang pengumuman hanya dibuat Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.

Beliau berkata, Kabinet sudah berbincang dan membuat keputusan berhubung isu itu dan sebarang pandangan parti tidak perlu ketika ini.

"Isu ini sudah dibincangkan pada peringkat Jemaah Menteri dan pengumuman daripada semasa ke semasa mengeniainya dibuat Menteri Pendidikan.

"Kita tidak bincang soal pendirian parti (PKR) berhubung isu ini kerana fasa sekarang adalah bincang daripada posisi kerajaan dan serahkan semuanya kepada Kementerian Pendidikan," katanya selepas menghadiri Majlis Korban Perdana Parlimen Kulim-Bandar Baharu di Masjid Abu Bakar As-Siddiq di sini, semalam.